



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 4 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LEBIH 50 KUCING JANTAN JALANAN BAKAL DIMADUKAN, NEGERI PAHANG, SH -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	161 SYARIKAT VESEL TEMPATAN TERIMA MANFAAT, UM -ONLINE TURTLES TO BECOME TOURIST ATTRACTION IN MERSING ISLANDS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10 46 BABY TURTLES RESCUED IN PORT DICKSON - JPNS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10 3 MELAKA ISLANDS TO BE GAZETTED AS MARINE PARK, LOCAL NEWS, NST -13 PENYU BAKAL JADI TARIKAN DI KEPULAUAN MERSING, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -20 46 ANAK PENYU KARAH DISELAMATKAN DI PORT DICKSON, NASIONAL, SH -19 BUNUH 11 PENYU, BUKAN KERJA ORANG TEMPATAN, NASIONAL, SH -19 TURTLES TO BE TOURIST DRAW ON MERSING ISLES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 ANAK PENYU KELUAR DARI SARANG DI PANTAI PORT DICKSON, DALAM NEGERI, UM -32 ANAK PENYU KELUAR SARANG DI PANTAI PD, NEGARA, KOSMO -18 KELUARGA PENYELAMAT PENYU, LOKAL, HM -10 AZAB TERTUSUK 34 DURI LANDAK LAUT, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -33	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	STORM HAVOC, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 CILI MULA DITUAI, AKADEMA, HM -35 BEKALAN AYAM BERKURANGAN JADI TANDA TANYA, NEGERI KELANTAN, SH -32 GAGAL SOROK KAMBING CURI, DUA LELAKI DITAHAN, NEGERI KELANTAN, SH -31 NANAS UNTUK PETUGAS BARISAN HADAPAN, KOMUNITI KITA, UM -33 REVOLUTIONISING FARMING, BOTS, NST -21 WORIKING WITH FARMERS, BOTS, NST -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2021	BERITA HARIAN	NEGERI PAHANG	30



Kucing jantan jalanan akan ditangkap dan dimandulkan bagi mengawal pembiakan pada program pemandulan haiwan yang diadakan pada 7 Oktober ini.

Lebih 50 kucing jantan jalanan bakal dimandulkan

KUANTAN - Lebih 50 kucing jantan jalanan akan dimandulkan bagi mengawal pembiakan pada program pemandulan haiwan itu yang diadakan pada 7 Oktober ini.

Pengerusi Kelab Sahabat Kucing Jalanan Pahang (SKJP), Jurina Abdul Rani berkata, bagi tujuan itu, operasi menangkap kucing jalanan akan dijalankan di lima lokasi yang telah dikenal pasti di sekitar daerah ini.

Merfurutnya, selepas penangkapan dibuat, pemeriksaan dan pemantauan kesihatan haiwan terbabit akan dilakukan sebelum dimandulkan.

“Hanya kucing jantan yang sihat dan berumur lebih setahun akan melalui proses pemandulan. Proses terbabit dilakukan oleh pe-

gawai perubatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang (JPVP) dan mengambil masa tiga hari.

“Selepas pemandulan, kucing akan dikuarantin selama dua hari sebelum dilepaskan semula ke lokasi ditemui,” katanya ketika ditemui di Bandar Kuantan pada Ahad.

Beliau menjelaskan, program itu diadakan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), JPVP dan Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM) Pahang membabitkan Unit Kebajikan Haiwan dan Alam Sekitar.

Tambah Jurina, pihaknya turut memberi peluang kepada individu yang berminat untuk mengambil kucing yang sudah dimandulkan sebagai haiwan peliharaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

161 syarikat vesel tempatan terima manfaat



SAMSOLBARI Jamali (tiga dari kanan) bersama Ahmad Tarmidzi Ramly (dua dari kiri) ketika melawat limbungan kapal Syarikat DK Naval Technologies di Taman Perindustrian Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri di Johor.

ISKANDAR PUTERI: Sebanyak 161 syarikat vesel tempatan telah menerima manfaat hasil pelaksanaan Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan yang dilaksanakan Jabatan Perikanan sepanjang tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Ahmad Tarmidzi Ramly berkata, program dengan peruntukan RM150 juta itu merupakan inisiatif Dasar Jaminan Makanan (DJM) yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Menurut beliau, ia dibahagikan kepada empat zon di mana Zon A dan Zon B membabitkan peruntukan RM100 juta sementara Zon C dan Zon C2 pula dengan peruntukan RM50 juta.

“Menerusi program ini, syarikat vesel ditawarkan pembiayaan sehingga RM5 juta dengan kadar faedah antara 3 hingga 3.5 peratus untuk tempoh 10 tahun.

“Objektif program adalah membangunkan industri perikanan pantai dengan memberi peluang nelayan tradisi menaik taraf dan memodenkan vesel, memasang peralatan efisien dan pertingkatkan aspek keselamatan yang sekaligus dapat meningkatkan hasil tangkapan.

“Program ini juga mengurangkan kebergantungan penggunaan kru bukan warganegara di atas vesel,” katanya selepas melawat limbungan kapal Syarikat DK Naval Technologies di Taman Perindustrian Tanjung Pelepas, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali.

Tambah Ahmad Tarmidzi, penggunaan mekanisme moden seperti di atas kapal nelayan pukat jerut boleh mengurangkan tenaga kerja manusia yang secara tidak langsung memberi kelebihan kepada pengusaha.

Sementara itu, Samsolbari memaklumkan kerajaan negeri menyambut baik usaha pemodenan vesel bagi melonjakkan aktiviti nelayan ke tahap yang lebih tinggi.

“Johor sebagai negeri yang mempunyai garis pantai terpanjang sewajarnya mempunyai aktiviti perikanan yang lengkap selain dibantu dengan pelbagai aktiviti rantaian yang turut memberi nilai tambah.

“Jadi kita menggalakkan nelayan untuk menggunakan mekanisme automatik agar kerjaya nelayan dapat menjadi lebih menarik,” ujarnya. – UTUSAN

Headline	Turtles to become tourist attraction in Mersing islands		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	04 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 2,945
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,836



Turtles to become tourist attraction in Mersing islands

MERSING: Turtles have the potential to become a tourist attraction in Mersing islands that have often been spots for turtle landings.

Johor Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the 13 islands which have been gazetted as marine parks have been landing sites for the Hawksbill and Green sea turtle species.

He said as part of turtle conservation efforts, the Johor State Fisheries Department (JPNJ) would issue more licences to transfer or collect turtle eggs which could also be a new source of income for the villagers.

"Almost 200 turtles land in Johor from April to September every year. So far, the state government has only allocated RM5,000 to buy turtle eggs from the villagers, to be hatched by JPNJ.

"Therefore, I am pleased to inform that the state government has allocated RM200,000 for the purpose of sea turtle conservation," he told a press conference after visiting the Pulau Tinggi Marine Park Centre, here yesterday.

Present was JPNJ director Zainudin Abd Wahab.



Samsolbari (right) shows a turtle egg which will be buried in the sand to be hatched at the turtle conservation centre at Pulau Tinggi Marine Park Centre. — Bernama photo

Samsolbari said JPNJ was also targeting to collect about 20,000 turtle eggs next year, adding that efforts would continue to be intensified to ensure

the endangered animal would continue to survive.

Meanwhile, Zainudin said JPNJ was targeting to have at least 80 turtle egg collector's

licence holders next year.

On average, he said a total of 3,000 turtle eggs were collected by JPNJ a year from the licence holders in the state. — Bernama

Headline	46 baby turtles rescued in Port Dickson—JPNS		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	04 Oct 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	61 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 416
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,248



46 baby turtles rescued in Port Dickson — JPNS

SEREMBAN: A total of 46 baby hawksbill turtles were rescued by members of the public after being found wandering along the coastal area of Batu 3, Jalan Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, near here, on Saturday.

Negeri Sembilan Fisheries Department (JPNS) director Halimi Abu Hanip said the hatchlings were found by an individual named Abdul Jamil and his family who happened to be there at about 11am.

"Their swift action in rescuing the baby turtles to be released immediately into the sea is a commendable effort. It is the third such incident reported in

Port Dickson this year, with the second was on Sept 11.

"It is normal for baby turtles to crawl out of their nest to go to the sea. Turtles lay their eggs throughout the year but most frequently from March to September," he told Bernama.

Following the incident, Halimi said JPNS together with registered turtle egg collector in Port Dickson, Hishamudin Abd Manap, inspected the turtle nests at the location and found two dead baby turtles and 48 eggs.

He said all the eggs were then brought to the hatchery centre at Glory Beach Resort, Port Dickson to be incubated. — Bernama

Headline	3 Melaka islands to be gazetted as marine park		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	04 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	13	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	66 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 2,275
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,825



3 Melaka islands to be gazetted as marine park

MELAKA: Pulau Undan, Pulau Nangka and Pulau Dodol will be gazetted as the first national marine park in Melaka, pending approval from the state government. Deputy Agriculture and Food Industry Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said the islands, covering a one nautical mile area, would be gazetted under Section 41 of the Fisheries Act 1985 to ensure the sustainability of marine biodiversity in the area. "The state Fisheries Department has been conducting a study since 2018 and found 81 species of hard corals and 19 species of colourful soft corals of the Gorgonian type in the area." He said the aim of gazetted the islands as a marine park was to preserve and conserve the ecosystem and marine population in the area.

Bernama

13 pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut sering menjadi kawasan pendaratan hidupan itu

MERSING

Penyu dilihat berpotensi dijadikan sebagai tarikan di kepulauan Mersing, memandangkan kesemua 13 pulau di perairan berkenaan yang diwartakan sebagai Taman Laut sering menjadi kawasan pendaratan hidupan liar itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali berkata, Jabatan Perikanan Negeri Johor (JPNJ) sentiasa giat melakukan konservasi terutama membabitkan spesies penyu mendarat iaitu agar dan karah.

Beliau berkata, sejajar dengan usaha itu, JPNJ akan mengeluarakan lebih banyak lesen memindah atau memungut telur penyu yang dapat menjadi sumber pendapatan baharu kepada penduduk kampung.

"Hampir 200 penyu mendarat di Johor sepanjang April hingga September setiap tahun. Selama ini kerajaan negeri cuma memperuntukkan sebanyak RM5,000 sahaja untuk membeli telur penyu daripada orang kampung, kemudian ia ditetaskan oleh JPNJ.

"Justeru, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan negeri kini memperuntukkan RM200,000 bagi tujuan konservasi penyu ini. Kita bukan sahaja dapat mempertahankan konservasi penyu, malah ia juga sumber pendapatan baharu penduduk

Penyu bakal jadi tarikan di kepulauan Mersing



Anak-anak penyu karah dilepaskan ke laut dari Pusat Konservasi Penyu di Pusat Taman Laut Pulau Tinggi, Mersing dalam usaha Jabatan Perikanan Negeri Johor memulihara kehidupan marin itu yang semakin terancam.

kampung dengan membeli telur itu daripada mereka," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Pusat Taman Laut Pulau Tinggi di sini, pada Ahad.

Hadir sama dalam lawatan itu ialah Pengarah JPNJ, Zamudin Abd Wahab.

Samsolbari berkata, JPNJ turut menyasarkan kira-kira 20,000 telur penyu mendarat di negeri ini pada tahun hadapan. Menurut beliau, JPNJ juga akan terus memupuk hubungan baik dengan penduduk kampung untuk menjadi mata dan telinga mereka dalam usaha memastikan hidupan liar di lautan itu terus datang ke kepulauan Mersing.

Sementara itu, Zamudin berkata, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya 80 pemegang lesen khas memungut telur penyu pada tahun hadapan. Secara purata, beliau berkata, sebanyak 3,000 telur penyu setahun berjaya dikumpul menerusi pemegang lesen.

"Dengan peruntukan yang diberikan kerajaan negeri, semakin bertambah pemegang lesen...Insya-ALLAH mungkin lebih 20,000 telur mendarat kita dapat.

"Keutamaan (pemegang lesen) akan diberikan kepada penduduk pulau kerana mereka lebih mengetahui dan tahu di mana tempat penyu itu mendarat," katanya. — *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Samsolbari menunjukkan telur penyu agar yang akan dimasukkan ke dalam lubang bagi penetasan di Pusat Konservasi Penyu ketika lawatan kerja ke Pusat Taman Laut Pulau Tinggi, Mersing pada Ahad.

46 anak penyu karah diselamatkan di Port Dickson

SEREMBAN - Sebanyak 46 anak penyu karah yang baru menetas ditemukan berkelian di pesisiran pantai Batu 3, Jalan Pantai Bagan Pinang, Port Dickson sebelum diselamatkan orang awam pada Sabtu, kata Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS), Halimi Abu Hamp.

Beliau berkata, anak penyu yang sedang mencari arah ke laut itu ditemukan individu dikenali sebagai Abd Jamil dan keluarganya yang sedang beriadah di lokasi berkenaan pada kira-kira jam 11 pagi.

"Tindakan pantas beliau (Abd Jamil) menutup lebih kurang 46 anak penyu yang masih hidup dan dilepaskan sendiri ke laut amat terpuji dalam usaha segera bagi menyelamatkan haiwan itu.

"Memang biasanya anak penyu akan keluar sarang untuk ke laut. Penyu bertelur sepanjang tahun dan lazimnya pada Mac hingga September adalah paling kerap dan ini adalah kejadian ketiga anak penyu yang baharu menetas ditemukan orang awam pada tahun ini, dengan terbaharu pada 11 September lepas," katanya.

Susulan insiden itu, Halimi berkata JPNS bersama seorang pemungut telur penyu berdaftar di Port Dickson, Hishamudin Abd Manap menjalankan pemeriksaan terhadap sarang penyu di lokasi tersebut dan menjumpai dua anak penyu yang mati di dalam pasir serta 48 biji telur penyu yang masih belum menetas.

Menurut beliau, semua telur berkenaan dibawa ke hatchery Glory Beach Resort, Port Dickson untuk diernamkan sekali gus bagi memulihara spesies penyu agar populasinya tidak diancam kepupusan terutama kepada generasi akan datang.

Dalam pada itu, Halimi memberitahu, JPNS akan segera memasang papan tanda di kawasan pantai bagi memberi peringatan kepada orang awam supaya terus melaporkan sebarang penemuan hidupan itu kepada pihak berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

"Orang awam juga diminta untuk terus hubungi JPNS melalui laman Facebook kami, kita mohon jangan ambil penyu berkenaan kerana kesalahan mengambil telur penyu boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) 1976 Negeri Sembilan," jelas beliau.

Sementara itu, Hishamudin berkata, beliau mengetahui mengenai kejadian berkenaan melalui Facebook Live yang dibuat oleh Abd Jamil sebelum melaporkannya kepada JPNS.

"Saya harap orang ramai yang jumpa anak penyu untuk terus melaporkan sebab kadang-kadang apabila orang awam jumpa (anak penyu), mereka tidak tahu prosedur sepatutnya yang perlu dilakukan, kita khuatir kejadian lebih buruk berlaku termasuk anak penyu berkenaan mungkin akan mati," katanya. - *Bernama*

Bunuh 11 penyu, bukan kerja orang tempatan

KOTA KINABALU - Pembunuhan 11 penyu hijau yang berlaku di perairan Pantai-Pantau, Pulau Bum-Bum, Semporna dipercayai bukan dilakukan oleh penduduk tempatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sulabayan, Datuk Jaujan Sambakong berkata, perbuatan kejam terhadap haiwan reptilia yang berlaku di kawasananya amat menyentuh jiwa.

"Saya mendapat tahu mengenai perkara ini semalam dan baru dua hari lalu saya berada di Pulau Bum-Bum iaitu tidak jauh dari lokasi bangkai penyu itu ditemui.

"Saya yakin ia bukan perbuatan orang tempatan kerana orang tempatan tidak makan isi penyu.

"Saya juga lahir di pulau, tidak makan daging penyu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian bagi mengulas penemuan 11 bangkai penyu di dalam kawasan beliau di Pulau Bum-Bum, Semporna.

Sehubungan itu, beliau berharap pihak berkuasa dapat menyiasat perkara itu sehingga ke akar umbi.

"Saya yakin ini bukan kali pertama, tetapi 11 ekor penyu itu banyak dan saya sangat sedih. Ini khazanah dunia dan Semporna dikenali disebabkan itu, sebanyak 11 bangkai penyu hijau ditemui pada Sabtu di perairan berkenaan menerusi Operasi Bersepadu Khazanah yang dijalankan Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah dan Jabatan Perhutanan Sabah.

Bangkai penyu ditemui mereput serta terburai, manakala isinya dimasak dan dikumpulkan serta dimasukkan ke dalam karung.

sebabkan haiwan ini juga," tegas beliau.

Dalam masa sama, Jaujan berharap masyarakat setempat termasuk pimpinan peringkat kampung sentiasa peka dan membuat laporan jika terdapat kejadian sedemikian.

"Orang awam dan pimpinan akar umbi perlu memainkan peranan jika ada maklumat, harus segera laporkan kepada pihak berkuasa.

"Kita ada Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Tabung Hidupan Liar (WWF) dan lain-lain, maklumkan segera kepada mereka.

"Kita perlukan kerjasama daripada semua pihak dan jangan bergantung kepada kerajaan dalam usaha memelihara penyu ini," tambah beliau.

Sebelum itu, sebanyak 11 bangkai penyu hijau ditemui pada Sabtu di perairan berkenaan menerusi Operasi Bersepadu Khazanah yang dijalankan Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah dan Jabatan Perhutanan Sabah.

Bangkai penyu ditemui mereput serta terburai, manakala isinya dimasak dan dikumpulkan serta dimasukkan ke dalam karung.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

Turtles to be tourist draw on Mersing isles

MERSING: Turtles have the potential to become a tourist attraction in Mersing islands that have often been spots for turtle landings.

Johor Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the 13 islands which have been gazetted as marine parks have been landing sites for the Hawksbill and Green sea turtle species.

He said as part of turtle conservation efforts, the Johor state Fisheries Department (JPNJ) would issue more licences to transfer or collect turtle eggs which could also be a new source of income for the villagers.

"Almost 200 turtles land in Johor from April to September every year. So far, the state government has only allocated RM5,000 to buy turtle eggs from villagers, to be hatched by JPNJ.

"Therefore, I am pleased to inform that the state government has allocated RM200,000 for the purpose of sea turtle conservation," he told a press conference after visiting the Pulau Tinggi Marine Park Centre here yesterday.

Also present was JPNJ director Zainudin Abd Wahab.

Samsolbari said JPNJ was also targeting to collect about 20,000 turtle eggs next year, adding that efforts would continue to be intensified to ensure the endangered reptile would continue to survive.

Meanwhile, Zainudin said JPNJ was targeting to have at least 80 turtle egg collector's licence holders next year.

On average, a total of 3,000 turtle eggs are collected by JPNJ a year from the licence holders in the state, he added. - Bernama

Anak penyu keluar dari sarang di pantai Port Dickson



ANAK penyu dan telur penyu yang ditemukan di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan, semalam. - IHSAN JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN

PORT DICKSON: Orang awam yang beriadah di pantai di sini, sekali lagi dikejutkan dengan kemunculan anak-anak penyu yang keluar dari sarangnya semalam.

Kejadian kira-kira pukul 11 pagi di Pantai Bagan Pinang di sini melibatkan 46 ekor anak penyu jenis karah.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, anak-anak penyu tersebut ditemukan seorang lelaki yang kemudian mengambil tindakan pantas dengan mengutip dan melepaskan anak penyu

itu ke laut.

"Bertindak atas aduan tersebut, kami bersama seorang pemungut telur penyu berdaftar menjalankan pemeriksaan terhadap sarang tersebut dan menjumpai dua ekor anak penyu yang mati dalam pasir.

"Turut ditemukan 48 biji telur yang belum menetas. Semua telur seterusnya dibawa ke pusat pemuliharaan penyu di Glory Beach Resort di sini untuk dieramkan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sementara itu, Halimi berkata, sehingga 23 Julai lalu, seba-

nyak 1,847 biji telur penyu yang dieram dan ditetaskan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson.

"Telur-telur ini dikutip oleh pemungut telur penyu berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan di pantai-pantai di daerah ini dan dibantar ke Pusat Ikan Hiasan Port Dickson untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Pada 10 September lalu, sebanyak 32 ekor anak penyu karah yang baharu menetas dan keluar dari sarang yang ditemui kan sesat oleh orang awam sekitar pukul 2 pagi di Pantai Saujana dan dilepaskan semula ke laut.

Anak penyu keluar sarang di pantai PD

PORT DICKSON - Orang ramai yang beriadah di pantai permainan di sini terkejut apabila melihat sekumpulan anak penyu karah tiba-tiba keluar dari sarangnya dan menuju ke laut di Bagan Pinang di sini kelmarin.

Pengarah Perikanan, Negeri Sembilan, Halimi Abu Hamip berkata, anak penyu itu diperkayai baru menetas sebelum ditemui orang ramai pada pukul 11 pagi.

Katanya, orang awam kemudian mengutip 46 ekor anak penyu yang masih hidup dan dilepaskan ke laut.

"Tindakan itu amat terpuji dalam usaha segera menyelamatkan mereka. Sebaik mendapat maklumat, kami bersama salah seorang Pemungut Telur Penyu Berdaftar, Hishaminudin Abd. Manap, telah menjalankan pemeriksaan terhadap sarang tersebut dan menjumpai dua ekor anak penyu yang mati dalam pasir.

"Turut ditemui 48 biji telur yang masih belum menetas. Semua telur seterusnya dibawa ke Glory Beach Resort untuk



INILAH sebahagian telur penyutarah yang dapat diselamatkan selepas ditemui di pantai Bagan Pinang, Port Dickson kelmarin.

dieramkan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Halimi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang awam yang turut berganding bahu memulihara penyu Port Dickson agar populasinya tidak diancam kepupusan pada generasi akan datang.

Menurutnya, sehingga 23 Julai lalu, sebanyak 1,847 biji telur penyu yang telah dieram dan ditetaskan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson (PD).

"Telur-telur ini telah dikutip oleh pemungut telur penyu. Berdaftar dengan Jabatan Perikanan di pantai-pantai Port Dickson dan di hantar ke Pusat Ikan Hiasan Port Dickson untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Untuk rekod pada 10 September lalu, sebanyak 32 ekor anak penyu karah yang baharu menetas dan keluar dari sarang yang ditemui sesat oleh orang awam sekitar pukul 2 pagi di pantai Batu 4, di sini dan dilepaskan semula ke laut.



SEORANG penjunjung mengeluarkan telur penyu karah untuk diserahkan kepada pihak berkuasa di Port Dickson kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	10

Keluarga penyelamat penyu

Lepaskan 46 anak penyu karah baru keluar sarang ke dalam laut di Pantai Bagan Pinang

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Percutian sebuah keluarga di Pantai Bagan Pinang di sini, dikejutkan dengan penemuan anak penyu yang baharu keluar dari sarang, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) Halimi Abu Hanip berkata, sebanyak 46 anak penyu karah yang baharu menetas dijumpai pada jam 11 pagi.

"Tindakan pantas pe-
ngunjung itu mengutip 46
anak penyu yang masih hi-
dup dan dilepas ke laut
amat terpuji dalam usaha
segera menyelamatkannya.

"Bertindak atas aduan
berkenaan, pegawai di JPNS
Hisharmudin Abd Manap
yang juga seorang pe-
mungut telur penyu berdat-
ang terus menjalankan pe-
meriksaan terhadap sarang
telur penyu dan menjumpai
dua anak penyu yang mati
dalam pasir serta 48 telur,
belum menetas.



TELLUR penyu karah yang ditemui di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, kelmarin.



Kita percaya Port Dickson akan menjadi kawasan tumpuan pelancong untuk melihat penyu bertelur suatu hari nanti"

Halimi

"Semua telur penyu itu seterusnya dibawa ke Glory Beach Resort," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pihaknya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada orang awam yang memulihara penyu di Port Dickson agar populasiya tidak diancam kepupusan pada generasi akan datang.

"Kita percaya Port Dick-

48

Telur penyu belum menetas ditumbu-
pegawai JPNS

son akan jadi kawasan tumpuan pelancong untuk melihat penyu bertelur suatu hari nanti," katanya.

Seorang penyu karah di Pantai Bagan Pinang.

Azab tertusuk 34 duri landak laut

Kaki kanak-kanak 11 tahun terpaksa dibedah untuk buang duri haiwan berkenaan

Oleh RUBIAH OMAR

KUALA NERUS

Keriang seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun mandi-manda bersama lima ahli keluarganya di Pantai Tok Jermal di sini bertukar tragedi apabila kakinya terkena duri landak laut, dalam kejadian pada Rabu.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, mangsa, Muhammad Luzman Aql Kasimzan, 11, cedera selepas kedua-dua belah kakinya terkena 34 tusukan duri haiwan laut berkenaan.

Ibu saudaranya, Nurfaida Salim, 38, berkata, ketika kejadian dia menemani Luzman bersama empat sepupunya mandi di pantai tersebut.

"Kira-kira 10 minit kemudian, saya terdengar jeritan Luzman. Ingatkan dia terjajak batu, tetapi bunyi teriakannya semakin kuat dengan esakan tangisan.

"Terkejut dengan kejadian itu, abang sepupu Luzman segera menganggotanya sebelum membawanya ke kawasan daratan," katanya ketika ditemui di perkarangan Hospital Sultanah Nurzahirah (HSNZ) - Kuala Terengganu pada Abad.

FOTO: HSNZ KUALA NERUS



Beginilah keadaan luka di tapak kaki Luzman akibat terjajak landak laut.



Luzman dibedah ke bilik bedah HSNZ bagi proses mencabut duri landak yang dipijak ketika mandi-manda di Pantai Tok Jermal, Kuala Nerus.

Katanya, pemeriksaan mendapati terdapat banyak kesan tusukan pada kedua-dua belah kaki Luzman dan diperceyati daripada duri landak laut.

Jelasnya lagi, melihat keadaan Luzman yang menangis teresak-esak, beberapa ahli keluarga menenangkan sebelum mengambil keputusan mengbawanya ke HSNZ.

"Selepas dirawat, kami maklumkan mengenai landak laut itu oleh doktor bertugas yang mendakwa sudah ramai penduduk terjajak hidupan laut itu di pantai sama sebelum ini," katanya.

Katanya, Luzman terus dibawa ke bilik x-ray bagi memastikannya 'kedudukan' duri tersebut sebelum doktor memaklumkan Luzman perlu dibedah untuk pro-

ses mencabut duri haiwan tersebut pada hari Khamis dan prosedurnya mengambil masa antara dua hingga tiga jam.

"Kami dimaklumkan terdapat 34 tusukan duri di tapak kakinya iaitu 30 di kaki kanan dan empat tusukan di kaki kiri.

"Alhamdulillah, kami diberitahu kesemua duri di kedua-dua belah kakinya berjaya dikeluarkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Taman Laut Negara, Jabatan Perikanan Malaysia, Mohamad Saupi Ismail berkata, spesies landak laut yang sering ditemui di perairan Terengganu dikenali *diadema setosum*, yang mempunyai duri hitam yang panjang.

"Biasanya hidupan ini sering ditemui di kawasan terumbu ka-

rang di perairan Malaysia termasuk di Terengganu. Memandangkan diet utama landak laut ialah alga, maka kehadiran landak laut dipengaruhi oleh jumlah alga di sesuatu kawasan tersebut, termasuk di kawasan pantai.

"Pembinaan landak laut spesies *diadema setosum* boleh bermusim atau sepanjang tahun bergantung pada lokasi dan populasi.

"Jadi, bagi negara-negara di khulistiwa termasuk Malaysia, musim pembikinan boleh menjadi sepanjang tahun," katanya ketika dihubungi pada Abad.

Jelas beliau, di perairan Terengganu, penemuan landak laut itu sering direkodkan di pulau-pulau seperti Pulau Bidong dan pulau-pulau taman laut.

"Di kawasan pantai, landak

laut pernah dilaporkan kehadirannya oleh akhbar tempatan di Pantai Tok Jermal pada tahun lepas.

"Bagaimanapun, tiada rekod rasmi pernah dikeluarkan di Terengganu sebelum ini," katanya.

Mohamad Saupi berkata, sekiranya terdapat lokasi yang telah dikenal pasti mempunyai banyak spesies tersebut, seharusnya pihak berkuasa meletakkan papan peringatan atau pemberitahuan kepada pengunjung agar mereka lebih berhati-hati sepanjang berada di lokasi tersebut.

"Cadangan ini bukan hanya untuk landak laut, tetapi bagi spesies yang boleh mendaratkan mudarat kepada orang awam seperti obor-obor dan lain-lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2



CILI MULA DITUA

Projek pusat pendidikan hijau UPSI sudah mengeluarkan hasil

Oleh Hartini Mohd Nawi
 hartini@hmetro.com.my

Pusat Pendidikan Hijau (PPH), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Pakedang Chempedak, Tasek Gelugor, Pulau Pinang sudah berhasi dan mula diruai.

Ia ditrubuhkan hasil Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada Mac lalu bagi menjalin kerjasama strategik antara UPSI bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) dan Urbanest Sdn Bhd.

Menurut Naib Canselor UPSI, Profesor Daruk Dr Md Amin Md Taff, hasil kerjasama itu memberi manfaat yang menyehuruk kepada komuniti setempat.

"Malah, UPSI berbangga dapat mencurahkan ilmu dan pengetahuan kepada komuniti serta mewujudkan inovasi baharu selain mencipta peluang kepada bella unruk menjadi petani bandar.

"Ia sekali gus menjadi pusat penyelidikan pelbagai disiplin aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti dan 'upcycle' ke arah mengurangkan sisa," katanya.

Baru-baru ini, sesi tuaiian hasil disertai Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman,

Datuk Bandar MBSP, Datuk Sr Rozali Mohamad, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSP, Baderul Amin Abd Hamid (Pernangku Setiausaha MBSP) serta Pengarah Urusan Urbanest Sdn Bhd Kartihayan Gunasegaran.

Helmi Zaifura yang teruja melihat hasil tanaman itu melahirkan rasa gembira dengan kejayaan pusat berkenaan berikutan sudah mendatangkan hasil, sekali gus berupaya menjana pendapatan selain melaksanakan proses pemindahan ilmu.

"PPH antara sebuah

pusat pendidikan hijau pertama di Malaysia yang holistik dan memfokuskan kepada teknologi hijau lestari merangkumi pertanian pintar, pusat kompos, biodiversiti serta 'upcycle'.

Sementara itu, Ketua PPH, Profesor Madya Dr Che Zalina Zulkifli berkata, projek pusat berkenaan sudah menandakan hasil.

"Tanaman seperti cili merah jenis sakata menggunakan teknik fertigasi, manakala sistem hidropnik pula digunakan untuk tanaman kailan, salad, bakchoi dan sawi," katanya.

FOTO: IHSAN UPSI



HELMI Zaifura (dua dari kanan) bersama Rozali (tiga dari kiri) dan Che Zalina (dua dari kiri) melihat cili merah PPH.



HELMI Zaifura (kanan) melihat pokok cili merah yang segar



CILI merah yang ditanam di PPH

Harga melebihi RM10, timbul kekusaran kepada pembeli

Bekalan ayam berkurangan jadi tanda tanya

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Bekalan ayam mentah yang berkurangan di pasar basah dan gerai di sekitar Pengkalan Chepa sejak tiga hari lalu menimbulkan kekusaran dan tanda tanya pembeli.

Harga ayam itu juga melambung tinggi sehingga memecah RM10.30 sekilogram sejak sebulan lalu iaitu paling tinggi tahun ini.

Seorang peniaga, Mohd Nazwan Nazari, 25, berkata, jualan ayam berkurangan kerana peniaga memperoleh bekalan terhad daripada pembekal dan pemborong.

Katanya, peruncit atau penjual hanya boleh mengambil 20 sehingga 30 ekor ayam sahaja setiap hari berbanding 100 ekor sebelum ini.

"Kami sendiri tidak pasti

punca bekalan dihackkan dan terpaksa akur kerana perlu meneruskan perniagaan.

"Harga jual yang mahal ini disebabkan harga ayam yang diperolehi daripada pembekal meningkat iaitu lebih RM8 sekilogram berbanding sekitar RM5 hingga RM6 sekilogram sebelum ini," katanya ketika ditemui di Pasar Cabang Tiga, di sini, pada Ahad.

Seorang lagi peniaga, Wan Mustaqim Wan Mohd Zulkiflie, 32, mengakui tidak tahu punca kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam di pasaran.

Menurutnya, mereka dimaklumkan pembekal harga tidak mahal menyebabkan harga ayam turut meningkat.

"Kami terpaksa menaikkan harga lebih tinggi untuk men-

dapatkan sedikit untung ber-

niaga," katanya.

Sementara itu, pelanggan Nafidah Mohd Hanifa, 45, mengeluh apabila terpaksa pergi ke tiga tempat menjual ayam termasuk di Sabak dan Kota Bharu tetapi tidak dapat membeli bahan mentah itu.

"Abang saya bermiaga di kedai makan di Kota Bharu juga memberitahu tidak ada ayam di sekitar bandar ini. Bagaimanapun, saya dapat beli ayam di Pasar Cabang Tiga Pengkalan Chepa," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Azanizam Afendi Juri dalam satu kenyataan berkata, perantauan pihaknya di sekitar Kota Bharu mendapati dua lokasi menjual ayam dengan harga RM8.50 sehingga RM10.30 sekilogram iaitu di Pasar Pengkalan Chepa dan Pasar



Ayam kuning yang dijual di Pasar Cabang Tiga, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

RTC Tunjong.

"Ayam tersebut jenis ayam kuning yang tidak termasuk di bawah kategori ayam standard menyebabkan lebih mahal.

"Harga ayam terendah RM5.99 hingga RM8.50 sekilogram pula boleh didapati di

Pasaraya Lotus dan Pacific Kota Bharu manakala ayam yang dijual di gerai tepi jalan sekitar RM8 sehingga RM8.50 sekilogram," ujar beliau.

Bagaimanapun punca kekurangan bekalan yang didakwa pula masih dalam stiasatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	31

Gagal sorok kambing curi, dua lelaki di tahan

RANTAU PANJANG - Cubaan dua lelaki menyorokkan enam ekor kambing di belakang pacuan empat roda menggunakan kanvas bagi mengaburi mata anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan gagal apabila ditahan pada Jumaat.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA Kuantan, Superintendan Azhari Nusi berkata, kedua-dua lelaki itu ditahan pihaknya semasa melalui sekatan jalan raya (SJR) Banggol Kong, Jeram Perdah di sini pada jam 9 malam.

“Semasa ditahan kedua-dua lelaki berusia 23 tahun itu gagal mengemukakan sebarang dokumen sah berkaitan dengan barangan mereka bawa,” katanya kepada pemberita dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menurut beliau, pemeriksaan lanjut di bahagian belakang pacuan empat roda menemukan enam ekor kambing yang telah ditutup menggunakan kanvas plastik berwarna biru.

Katanya, kesemua barangan rampasan dan kedua-dua lelaki itu dibawa



Cubaan dua lelaki menyorokkan enam ekor kambing di belakang kenderaan pacuan empat roda menggunakan kanvas gagal apabila ditahan pada Jumaat.

ke Balai Polis Jeram Perdah untuk tindakan lanjut.

Azhari berkata, kes diasiasat bawah Seksyen 36 (1) Akta Binatang 1953 dan nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan serta kambing dianggarkan berjumlah RM127,500.

“PGA akan terus memperketatkan lagi kawalan sempadan di sepanjang Sungai Golok bermula dari Rantau Panjang ke Pengkalan Kubor, Tumpat bagi membendung aktiviti jenayah rentas sempadan,” katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan di Tumpat, Azhari berkata, PGA berjaya merampas 20,000 batang rokok putih selepas membuat pemeriksaan ke atas sebuah kereta yang diparkir dalam keadaan mencurigakan di Jalan Kampung Ketil, Pengkalan Kubor pada Sabtu.

Rampasan rokok putih berjumlah RM15,000 itu dilakukan oleh Batalion 9 PGA Kuala Terengganu yang membantu penugasan Op Benteng Covid-19 di kawasan Tumpat.

4/10/2021

KOMUNITI KITA

33

UTUSAN
MALAYSIA

Nanas untuk petugas barisan hadapan

PARA petugas barisan hadapan di dua buah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Covid-19 di Kerian menerima sumbangan istimewa iaitu buah nanas di Bagan Serai baru-baru ini.

Sumbangan oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia itu merupakan sebahagian daripada mempromosikan kempen untuk meningkatkan penanaman nanas di Perak.

Sebanyak 5,000 biji nanas telah diedarkan kepada petugas barisan hadapan di Perak yang bertugas menangani Covid-19 melibatkan petugas di PPV dan anggota pasukan keselamatan yang bertugas di sekatan jalan raya (SJKR).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan



Industri Makanan Negeri Perak, Razman Zakaria yang menyampaikan sumbangan itu berkata, aghian buah nanas itu sebagai menghargai jasa dan

pengorbanan petugas barisan hadapan menangani Covid-19. Kempen mempromosikan penanaman nanas juga diadakan di Daerah Kinta, Hilir Perak.

Manjung, Kuala Kangsar, Hulu Perak, Larut Matang Selama dan Kerian.

■ PETUGAS barisan hadapan PPV

Dewan Datuk Zainal Abidin Zin yang menerima sumbangan buah nanas di Bagan Serai, Perak, baru-baru ini. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

BOTS

BROUGHT TO YOU BY LIFE & TIMES

The SMART TANI plug-and-play Internet of Things sensor.

HIS grandfather was a farmer who grew padi and vegetables in small fields, besides rearing cows.

"I remember growing up and helping him in his padi field. It was very tough, and I still remember it was a struggle during that time as he had to raise 10 children," said SMART TANI founder and SAT ASIA chief executive officer Hafeiz Hassan.

"Unfortunately, after 30 years, not a lot has changed. We are still reliant on conventional farming techniques, which can be labour intensive and often wasteful," he said.

Now 42 years old, Hafeiz aims to change the way farming is done, and he is no ordinary man for the task.

Born and raised in Melaka, he did his master's degree at Imperial College, London, and MBA at the International Islamic University Malaysia.

Hafeiz is an aeronautical engineer, who used to work in the designing and engineering of international aircraft programmes, such as the Airbus A380, A350 and A400M.

"However, my work and experience are not limited to the aerospace field, as I have done technology adoption in other sectors, such as automotive, civil/construction, and oil and gas.

"In the last two years, my company has put a strong focus on emerging technologies, such as Internet of Things (IoT) and advanced data analytics," he said.

Now, Hafeiz is revolutionising farming through the SMART TANI platform.

WHAT IS SMART TANI?

SMART TANI is an agritech platform that combines traditional farming with the IoT and cloud-based solutions to provide Malaysian farmers with robust digital tools to revolutionise the agriculture industry.

"We want to enable local farmers to increase their efficiency, productivity and yield with cutting-edge solutions," said Hafeiz.

The platform was conceived during a brainstorming session between Hafeiz and one of his friends, who was in the pineapple plantation business.

"My friend lamented the high cost of fertiliser and difficulties he faced in managing the farms remotely.

"He needed a solution that could enable precise farming methods, and remote monitoring and tracking," he said.

"Upon closer investigation, we found out that there was a huge gap in technology adoption in the sector, and most of the solutions were well within our reach and capability to develop.

"Agriculture is such an important sector in the country, and it is for this reason that we must ensure that the industry benefits more effectively from the technological advancement Malaysia has seen in the last decade," he added.



Hafeiz Hassan



Farmers using SMART TANI at a MD2 pineapple farm.

Revolutionising farming

A former aeronautical engineer shares his high-tech journey into farming with Izwan Ismail



SMART TANI has onboarded farms that grow Musang King durians.

Hafeiz said the end goal was to move Malaysian farmers from their conventional farming practices to smart farming, which in the end, would improve the quality of the produce, as well as increase the yield and revenue of the farmers.

"To achieve this, the industry must completely embrace the Industrial Revolution 4.0 by transforming every aspect of the operation into a smart system.

"SMART TANI will be the platform that encompasses all aspects of smart farming, realising the modernisation of the industry, from farm to fork," he said.

HOW IT WORKS

SMART TANI helps farmers by leveraging IoT technology, where data from the soil, water and air are collected autonomously with minimal intervention by humans.

With plug-and-play sensors, all the farmers need to do is to install the sensors onto the farm and start receiving data almost immediately.

"The simple IoT sensor technology also means that there is no maintenance needed from the farmers.

"Periodic maintenance is performed by the SMART TANI technicians throughout the contract period, and any troubleshooting is done either remotely or on-site without any involvement of the farmers," said Hafeiz.

The data is then presented to the farmers in a simple and user-centric intuitive dashboard called SATU Dashboard.

With a single click, the farmers will not only get data for selected parameters, but they may also receive alerts on anomalies and corrective actions to be taken.

"These data will help farmers improve the efficiency of their farm operations by only tending to plots with problems instead of a blanket approach.

"They may anticipate problems before they happen and take preventive rather than corrective actions, which may be too late in ensuring yield and quality of their crops," explained Hafeiz.

TAKING UP THE CHALLENGE

Development of SMART TANI began in 2019.

"Initially, there were only three people involved in coming up with the concept, and later, we had our network and device maker partners on-board," Hafeiz recalled.

TURN TO PAGE 22

Working with farmers

FROM PAGE 21 FARMING WITH DATA

About two months and five more team members later, SM4RT TANI had its first prototype deployed in their pilot farm in Hulu Selangor.

"Within a year, we branched out to cover IoT applications in aquaculture and greenhouse farms. We then started working on the Digital Farm Management System earlier this year," he said.

As for challenges, Hafeiz said it was important to know that there was nothing for his team to benchmark the product against as they were developing something novel in the country.

"We had to work very closely with the subject matter experts to ensure that the product could address the problem while

Adjusting the Internet of Things sensor.



SM4RT TANI is installed in 10 farms across five states.

engaging the stakeholders and potential users to make sure that the technology would be affordable enough for them to use," he said.

"There is also the challenge of introducing technology and convincing the farmers of the value and importance of using data in farming," he added.

As digital transformation is not considered a priority by most farmers, Hafeiz and his team have to engage with various parties and organise seminars and showcases to get the market familiar with the smart farming concept.

"For this, we are very grateful to have good partners and government agencies under the Agriculture and Food Industries Ministry, especially the Malaysian Pineapple Industrial Board, supporting

us since the beginning of SM4RT TANI," he said.

Today, SM4RT TANI is installed in 10 farms across five states. The farms are generally producing high-value crops.

"We have onboarded farms that grow Musang King durians and MD2 pineapples onto SM4RT TANI. We have also deployed SM4RT TANI in the aquaculture industry, like crayfish or udang kara, and tilapia fish farming," said Hafeiz, adding that they were currently looking into deploying the system at oil palm plantations.

Singularly Aerotech Asia (SAT.ASIA), meanwhile, which Hafeiz also leads, is a technology service provider specialising in engineering, IoT and big data analytics.

SM4RT TANI is a product under SAT.ASIA's technology division.

MOVING FORWARD

Hafeiz said he planned to have SM4RT TANI installed in 100 farms by the end of next year with the deployment of around 5,000 new devices.

"We also have plans to expand SM4RT TANI further to cover other agricultural sectors, such as livestock and dairy farms.

"Currently, we are working with a few companies in Malaysia that run cattle and poultry farms to explore opportunities of introducing IoT into their operations," he said.

"There is also a plan to integrate SM4RT TANI with the supply chain management system, as well as a point-of-sales system so that farmers can enjoy an end-to-end digital transformation of their business," he added.



Rise of the pet influencers

Carrie Er filming her pet white terriers Sasha and Piper right at her home in Singapore.

TWO fluffy white terriers wearing neckerchiefs pant quietly as their owner waves a treat and snaps a photo for the dogs' tens of thousands of Instagram followers.

They are among a growing number of pet influencers on social media in Singapore, a trend fuelled by a rise in online shopping and pet ownership during the coronavirus pandemic.

Sasha and Piper make regular appearances on their "Lomodoggies" Instagram account, often wearing matching accessories and posing for the camera with their tongues hanging out.

The pair have earned thousands of dollars endorsing products ranging from vacuum cleaners to shoes — and are even represented by an agency.

Tapping into the pet influencer boom, the company has worked with animals ranging from a cat called Brossy Meowington — with more than 50,000 followers — to a Japanese Spitz called Luna.

Sasha and Piper's owner, Carrie Er, stumbled into the business several years ago when she started posting photos of Sasha in various costumes, playing with toys and on outings.

"We just wanted to do a daily blog of her, capturing some precious moments like her beautiful face and her activities," said Er, a

marketing manager in her 40s.

But the photos proved popular online, and companies started asking if Sasha would endorse their products.

Piper, a former show dog, arrived later, completing the duo.

CAN'T HATE THEM

"It's fun — fun for the dogs, fun for me," said Er, as she shoots pictures with her phone of the dog celebrities.

The two pooches now have nearly 24,000 Instagram followers, and typically earn about S\$500 for each marketing deal.

Er says she is selective about which products they promote, rejecting offers from some dog food brands she feels don't meet her standards — her own pets enjoy a diet of handmade meals.

There has been a growing demand for pet influencer endorsements as companies bolster their online presence during the pandemic, according to Jane Peh, co-founder of The Woof Agency that represents Er's terriers.

"I think pet influencers generally have an advantage because we just love pets," said Peh, whose company has about 6,000 pet social media profiles in its network.

"They are cute — you can't hate them." **ETX Daily Up**